



PENGAWASAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL



PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Sehingga 31 Disember 2021, terdapat 41 firma audit berdaftar dan diiktiraf oleh AOB, yang mengaudit 1,203 PIE dan 1,255 kumpulan wang jadual. Terdapat empat firma audit asing dan 12 juruaudit individu asing yang diiktiraf oleh AOB. Secara kolektif, mereka mengaudit lima syarikat diperbadankan asing tersenarai di Bursa Malaysia.

Jadual 1 menunjukkan profil firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dengan AOB setakat 31 Disember 2021. Bilangan juruaudit individu berdaftar telah meningkat daripada 339 pada 2020 kepada 345 pada 2021.

Bilangan firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dengan AOB, serta bilangan PIE yang diaudit dalam tempoh lima tahun lalu dinyatakan dalam Jadual 2.

Jadual 1 Juruaudit berdaftar dan diiktiraf pada 31 Disember 2021						
Profil firma audit	Bil. firma audit	Bil. juruaudit individu	Bil. pelanggan audit PIE	% jumlah permodalan pasaran PLC	Bil. pelanggan audit kumpulan wang jadual	% jumlah NAV
Firma audit berdaftar						
Perkongsian dengan 10 dan lebih rakan kongsi audit	8	228	898	96.07%	1,215	98.67%
Perkongsian dengan 5 – 9 rakan kongsi audit	18	84	239	3.32%	40	1.33%
Perkongsian dengan kurang daripada 5 rakan kongsi audit	11	33	61	0.44%	-	-
Jumlah kecil	37	345	1,198	99.83%	1,255	100%
Firma audit asing yang diiktiraf	4	12	5	0.17%	-	-
JUMLAH	41	357	1,203	100%	1,255	100%

Jadual 2 Juruaudit berdaftar dan diiktiraf dari 2017 sehingga 2021					
	2017	2018	2019	2020	2021
Firma audit berdaftar	49	53	43	38	37
Juruaudit individu berdaftar	334	366	337	339	345
Firma audit asing yang diiktiraf	5	3	4	4	4
Juruaudit individu asing yang diiktiraf	17	9	12	13	12
Bilangan PIE	1,155	1,171	1,179	1,189	1,203
Bilangan kumpulan wang jadual	1,023	1,042	1,100	1,149	1,255

PEMERIKSAAN KE ATAS FIRMA AUDIT DAN RAKAN KONGSI INDIVIDU

Pada 2021, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas 14 firma audit meliputi 45 juruaudit individu untuk 54 tugas audit. AOB mengguna pakai pendekatan pemeriksaan berasaskan risiko dalam proses perancangan dan pemilihan tugas serta bidang utama khusus dalam tugas audit yang dipilih. Pendekatan berasaskan risiko mengambil kira pelbagai faktor seperti yang dinyatakan dalam Rajah 1.

AOB mengambil peluang untuk mempertingkatkan pendekatan yang dipacu oleh analitik data dalam pemeriksaannya dengan mengambil kira kerumitan struktur, industri, situasi dan persekitaran operasi PIE. Peningkatan berterusan ini akan memastikan program pemeriksaan AOB cukup tangkas untuk mengenal pasti arah aliran ekonomi utama dan kebimbangan pasaran dengan berkesan. Penggunaan analitik data yang mendalam membolehkan AOB menggunakan

pendekatan pemeriksaan yang lebih disasarkan, dengan itu membolehkan AOB memberi tumpuan pada bidang penting yang kritikal.

Ketidakpastian berterusan yang timbul daripada pandemik menyebabkan AOB meneroka pelbagai pilihan atau pengaturan dengan firma audit untuk melaksanakan semakan pemantauan luar lokasi dan/atau pemeriksaan secara maya bagi memastikan program pemeriksaannya tidak terganggu secara keseluruhannya. Hasilnya, AOB dapat melaksanakan 11 daripada 14 pemeriksaan yang telah dirancang secara jauh sepanjang 2021.

Untuk mengukuhkan lagi proses pemantauannya, AOB menjalankan semakan pemantauan luar lokasi dengan menganalisis laporan juruaudit dan penzahiran yang dibuat dalam Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Teraudit PIE masing-masing, dengan memberi tumpuan pada kedudukan kewangan PIE dan pelbagai penunjuk risiko yang signifikan.

RAJAH 1

PENDEKATAN BERASASKAN RISIKO YANG DIAMBIL OLEH AOB



**Penilaian risiko
firma audit
dan juruaudit
individu**



**Permodalan
pasaran
pelanggan PLC
yang diaudit oleh
firma audit**



**Bidang khusus
industri atau
kebimbangan
pasaran**



**Perkembangan
signifikan
perakaunan,
pengauditan/
perkembangan
lain**



**Penggunaan
analitik data
untuk mengenal
pasti bidang
berisiko tinggi
tertentu**

Didorong oleh kebimbangan khusus yang timbul daripada semakan pemantauan luar lokasi, AOB dapat mengenal pasti tugas dengan bidang risiko berpotensi untuk pemeriksaan tematik pada tahun tersebut. Pemeriksaan tematik memberi penekanan kepada prosedur audit yang dilaksanakan oleh juruaudit untuk menangani risiko yang semakin meningkat berhubung dengan bidang utama kritikal seperti yang dinyatakan dalam Rajah 2.

RAJAH 2

BIDANG RISIKO KHUSUS YANG DIKENAL PASTI SEBAGAI BERISIKO TINGGI YANG MENGHENDAKI PEMERIKSAAN AOB

Keupayaan meneruskan perniagaan


Penilaian aset bukan kewangan

Pengiktirafan hasil

Pendekatan di atas yang diambil oleh AOB pada 2021 membolehkan bilangan tugas audit yang diperiksa jauh lebih tinggi seperti dibentangkan dalam Rajah 3.

RAJAH 3

LIPUTAN PEMERIKSAAN DAN SEMAKAN TEMATIK LUAR LOKASI



Pada akhir setiap pemeriksaan, AOB menilai tahap keseriusan pemerhatian yang timbul daripada setiap tugas yang disemak. Bagi tugas yang memerlukan penambahbaikan yang ketara, AOB akan mengambil tindakan terhadap juruaudit individu yang terlibat dan mempertimbangkan keperluan untuk mengenakan langkah seterusnya ke atas firma, jika perlu.

Tindakan berikut boleh diambil oleh AOB bergantung kepada keputusan penilaian yang dilaksanakan (Rajah 4).

Butiran mengenai program pemeriksaan, seperti pemerhatian pemeriksaan lazim, hasil semakan tematik, analisis trend dan usaha pemulihan yang dilaksanakan oleh firma audit yang diperiksa telah dibentangkan dalam *Laporan Pemeriksaan Tahunan (AIR) 2020 AOB* yang diterbitkan pada 2021. Untuk program pemeriksaan 2021, keputusan akan dibentangkan secara berasingan dalam AOB AIR 2021 pada masa akan datang.

RAJAH 4

TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH AOB

Mengenakan langkah pemulihan khusus untuk menggabungkan atau menyemak prosedur audit yang berkaitan

Dirujuk ke jabatan yang berkaitan di SC atau pemerhatian dikongsi dengan PIE masing-masing

Tindakan penguatkuasaan diambil oleh AOB

Mengenakan syarat pendaftaran tambahan dan langkah-langkah sementara

PELAPORAN KETELUSAN TAHUNAN



Pada 2019, AOB memperkenalkan rangka kerja untuk Pelaporan Ketelusan Tahunan.

- Firma audit dengan lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dan jumlah permodalan pasaran pelanggan PIE firma audit melebihi RM10 bilion bagi dua tahun berturut-turut dikehendaki menghasilkan *Laporan Ketelusan Tahunan* bermula dari tahun 2021.
- Sekiranya firma audit tidak dikehendaki untuk menerbitkan *Laporan Ketelusan Tahunan*, Jawatankuasa Audit digalakkan melakukan perbincangan dengan firma audit mengenai perkara yang lazimnya diliputi dalam *Laporan Ketelusan Tahunan*.

Pada 2021, laporan firma audit yang berdaftar dengan AOB telah memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk menghasilkan *Laporan Ketelusan Tahunan* berdasarkan akhir tahun fiskal firma tersebut. Laporan firma audit tersebut adalah:




Firma tersebut dikehendaki untuk berkongsi *Laporan Ketelusan Tahunan* mereka dengan Jawatankuasa Audit pelanggan audit PIE mereka. Sebagai sebahagian daripada proses ini, AOB menyemak laporan firma yang berkaitan dan memberi maklum balas kepada firma tersebut untuk memastikan keperluan pelaporan yang ditetapkan oleh AOB telah dipatuhi.

Oleh kerana *Laporan Ketelusan Tahunan* menyediakan maklumat berguna kepada pelabur dan jawatankuasa audit untuk memudahkan cara pembuatan keputusan mengenai pelantikan dan pelantikan semula juruaudit, ahli-ahli Jawatankuasa Audit diingatkan untuk mendapatkan satu salinan laporan daripada juruaudit masing-masing.

AOB berpendapat bahawa ini merupakan langkah pertama untuk membolehkan lebih banyak maklumat tersedia kepada Jawatankuasa Audit untuk membantu mereka menilai juruaudit mereka. AOB sedang mengatur rancangan untuk mendapatkan maklum balas daripada Jawatankuasa Audit dan pihak berkepentingan yang lain dalam pasaran modal untuk meningkatkan lagi rangka kerja sedia ada.

Petunjuk Kualiti Audit Mandatori yang perlu dinyatakan dalam Laporan Ketelusan Tahunan



PENGUATKUASAAN TERHADAP FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

AOB menggunakan pelbagai alat penguatkuasaan dan kuasa untuk mencapai keputusan yang diinginkan. AOB melaksanakan tindakan pentadbiran ke atas juruaudit untuk pelbagai salah laku yang antara lain, termasuk kesalahan berikut:

JENIS TINDAKAN YANG DIKENAKAN

Arahan untuk mematuhi	Seksyen 31Z SCMA
Celaan awam	
Menebus pelanggaran dengan menurut arahan AOB	
Mengikuti pendidikan profesional yang relevan	
Melantik penyemak untuk memantau audit	
Dilarang daripada mengaudit dan menerima PIE dan kumpulan wang jadual sebagai pelanggan audit	
Penalti monetari	Seksyen 31Q SCMA
Membatalkan, menarik balik, atau menggantung pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit	

Dalam melaksanakan tindakan di atas, AOB menggunakan prinsip keberkadaran dalam menentukan sekatan penguatkuasaan yang sewajarnya. Untuk memastikan sekatan yang dilaksanakan berfungsi sebagai pencegahan yang berkesan, AOB mempertimbangkan perkara berikut:

PERKARA YANG DIPERTIMBANGAN DALAM TINDAKAN PENGUATKUASAAN AOB



Sifat dan keseriusan pelanggaran



Tingkah laku juruaudit



Kesan mungkin dan sebenar kepada pasaran modal



Faktor pelegaan termasuk sebarang tindakan yang diambil oleh juruaudit untuk memulihkan pelanggaran yang dikenal pasti

Pada 2021, AOB melaksanakan lima tindakan penguatkuasaan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 5 di bawah. AOB membatalkan pendaftaran seorang rakan kongsi audit dan mengenakan penalti monetari sebanyak RM400,000 terhadap sebuah firma audit di atas kegagalan firma tersebut mematuhi piawaian etika yang berkaitan kebebasan juruaudit. Firma audit tersebut turut dilarang daripada menerima dan mengaudit mana-mana PIE atau kumpulan wang jadual untuk tempoh 12 bulan.

Rakan kongsi audit dan firma audit tersebut kedua-duanya didapati melanggar seksyen R601.6 *Undang-undang Kecil Institut Akauntan Malaysia* (MIA) iaitu memberikan perkhidmatan yang dilarang kepada pelanggan auditnya. AOB melihat ketidakpatuhan terhadap piawaian etika tersebut sebagai satu kesalahan serius memandangkan ia menjejaskan kebebasan juruaudit dan menyebabkan ancaman semakan sendiri kepada kebebasan.

RAJAH 5

TINDAKAN PENGUATKUASAAN YANG DILAKSANAKAN PADA 2021

1

Pembatalan Pendaftaran

2

Larangan + Penalti Monetari

1

Penalti Monetari

1

Celaan

Di samping itu, AOB turut mengenakan penalti monetari sebanyak RM150,000 dan RM50,000 masing-masing terhadap firma audit dan rakan kongsi audit yang sama kerana melanggar keperluan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) yang berkaitan.

Larangan untuk tempoh 12 bulan juga dikenakan terhadap firma audit tersebut. Kekerasan tindakan penguatkuasaan mencerminkan keseriusan kesalahan itu, dan berfungsi sebagai peringatan yang kuat kepada juruaudit untuk memastikan pematuhan ISA dan lain-lain keperluan peraturan pada setiap masa.

Jadual 3 Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2021

Kes yang dibawa daripada 2020	4
Tambah: Kes baharu yang dirujuk kepada Penguatkuasaan pada 2021	1
Tolak: Kes diselesaikan pada 2021	(3)
Kes belum selesai @ 31/12/2021	2



[Baca lebih lanjut mengenai tindakan penguatkuasaan AOB](#)

AOB menyedari bahawa untuk mendapatkan impak pencegahan yang diperlukan, prosiding penguatkuasaan hendaklah diselesaikan segera. Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2021 dinyatakan dalam Jadual 3. Butiran perkembangan kes sejak 2017 dinyatakan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Bilangan kes yang berjaya diselesaikan sejak 2017

Tahun	Bilangan rujukan untuk prosiding penguatkuasaan	Bilangan kes yang diselesaikan sebelum 2021	Bilangan kes yang diselesaikan pada 2021	Bilangan kes yang masih belum selesai setakat 31 Disember 2021
2017	1	1	-	-
2018	8	8	-	-
2019	4	4	-	-
2020	5	1	3	1
2021	1	-	-	1
JUMLAH	19	14	3	2

Pemerhatian Penguatkuasaan AOB

Piawaian pengauditan menekankan kepentingan bukti audit, di mana juruaudit dikehendaki menyediakan, tepat pada masanya, kertas kerja yang menyokong pelaksanaan kerja-kerja audit dan

kesimpulan yang diperolehi. Walau bagaimanapun, AOB mendapati dalam banyak situasi prosedur audit dan bukti audit dalam fail audit sama ada tidak wujud, tidak lengkap atau tidak mencukupi. Rajah 6 menjelaskan pemerhatian berkaitan dengan penguatkuasaan pada 2021.

RAJAH 6

PEMERHATIAN AOB MENGENAI TINDAKAN PENGUATKUASAAN 2021

Kebebasan juruaudit	Kurang kekuatan untuk berkata 'Tidak' atau tidak berupaya untuk menolak permohonan pelanggan yang meminta kerja bukan audit yang bersifat larangan menurut Undang-undang Kecil MIA (Mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional).
Bukti audit	Dokumentasi dalam fail audit tidak wujud, tidak lengkap atau tidak mencukupi untuk menyokong prosedur audit yang telah dilaksanakan, andaian yang dilakukan dan kesimpulan yang dicapai.
Keupayaan meneruskan perniagaan	- Kegagalan untuk menilai kemunasabahan dan kesesuaian andaian yang telah dibuat. - Kegagalan untuk mencabar kedayamajuan pembiayaan / projek yang dicadangkan dan keupayaan pembiayaan / projek untuk berjaya. - Kegagalan untuk melaksanakan penilaian kuantitatif terhadap kedudukan kewangan syarikat (ujian kecairan atau penilaian nisbah) berdasarkan andaian yang telah dibuat.
Rosot Nilai Aset	- Kurang pemahaman dan pengetahuan mengenai piawaian perakaunan dan pengauditan berkaitan. - Kegagalan untuk mencabar andaian dan penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan. - Prosedur audit yang dilaksanakan tidak mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan data asas dan kemunasabahan andaian yang dibuat dalam unjuran aliran tunai.

Memperoleh Duluan Kehakiman

Pada 2021, SC terlibat dalam tiga semakan kehakiman terhadap tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh AOB. Semakan kehakiman tersebut termasuk mencabar kuasa AOB dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturannya dan bagaimana AOB menjalankan

prosiding penguatkuasaannya. Dalam semua permohonan semakan kehakiman tersebut, SC berjaya mendapatkan keputusan yang memuaskan. Ini mengukuhkan fakta bahawa rangka kerja penguatkuasaan AOB dan prosesnya adalah mantap.



[Baca lebih lanjut mengenai semakan kehakiman](#)

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN TERHADAP KEPUTUSAN PENGUATKUASAAN AOB PADA 31 DISEMBER 2021

Semakan Kehakiman	Keterangan Ringkas	Keputusan
Antara Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS) dan tiga rakan kongsinya dan SC	Mencabar kuasa AOB dan bagaimana AOB menjalankan prosiding penguatkuasaan.	- Mahkamah Rayuan pada 10 Disember 2021, memihak kepada SC dan mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi pada 10 Ogos 2020 untuk membatalkan sekatan yang dikenakan terhadap AFTAAS dan rakan kongsinya. - Pada 31 Disember 2021, AFTAAS dan rakan kongsinya telah memohon kepada Mahkamah Rayuan untuk penggantungan pelaksanaan sekatan yang dikenakan sehingga penentuan permohonan mereka untuk kebenaran untuk merayu keputusan Mahkamah Rayuan bertarikh 10 Disember 2021 kepada Mahkamah Persekutuan.
Antara RSL PLT dan dua rakan kongsinya dan SC	Mencabar kuasa AOB dan bagaimana AOB menjalankan prosiding penguatkuasaan.	Pada 26 Oktober 2021, Mahkamah Tinggi menolak permohonan semakan kehakiman RSL terhadap SC.
Antara Andrew Heng dan SC	Mencabar kuasa AOB dan bagaimana AOB menjalankan prosiding penguatkuasaan.	Mahkamah Rayuan pada 28 Oktober 2021, memihak kepada SC dan menolak rayuan Andrew Heng terhadap keputusan Mahkamah Tinggi pada 25 Ogos 2020, yang menolak permohonan semakan kehakiman untuk antara lain mengesahkan/ membatalkan keputusan AOB dan keputusan rayuan SC.